

## UJIAN BAHASA MELAYU ( PEMAHAMAN )

### UJIAN PENGALAMIAN

Masa : 1 Jam

Soalan 1 hingga Soalan 5

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Jika kamu meranduk air di kawasan pantai yang dipenuhi dengan pokok-pokok bakau, rumpai laut dan batu-batu karang, kamu mungkin menemui sejenis hidupan laut yang unik iaitu kuda laut. Hidupan ini dikatakan unik bukan kerana bentuknya yang yang bermuncung seperti kuda itu tetapi cara ia membiak. Selepas kuda laut betina bertelur ia akan meletakkan telur-telurnya ke dalam kantung kuda laut jantan sehingga telur itu menetas. Seekor kuda laut jantan boleh mengeram hingga beratus-ratus biji telur pada sesuatu masa.

Sebaik sahaja telur menetas anak-anak kuda laut akan berdepan dengan pelbagai bahaya. Ia dimakan oleh ikan pemangsa ataupun terdampar di pantai akibat ditolak ombak. Hanya sejumlah kecil sahaja haiwan ini yang akan selamat. Itupun jika tidak ditangkap oleh manusia untuk tujuan perubatan.

Sejak kebelakangan ini, banyak habitat haiwan ini yang musnah akibat perbuatan manusia. Penebangan pokok-pokok bakau serta pemusnahan terumbu karang telah menyebabkan kehidupan haiwan ini terjejas. Keadaan menjadi lebih buruk lagi apabila pihak tertentu membina tambak di sepanjang pantai untuk mengelakkan daripada runtuh.

Tidak sukar untuk kita mengenali jantina kuda laut ini. Kuda laut jantan berwarna cerah atau berwarna-warni serta lebih cergas, manakala kuda laut betina pula adalah sebaliknya pula. Kuda laut dewasa boleh menyamar diri dengan alam sekitarnya. Ia akan melilit ekornya pada rumpai air. Ini menyebabkan musuhnya keliru dan menyangka mangsanya itu sejenis rumpai air. Cara begini juga berjaya mengelakkan kuda laut itu daripada dihanyutkan arus. Penyamaran juga dilakukan dengan mengubah warna badannya mengikut keadaan sekitarnya.

Kuda laut menjadi buruan manusia kerana nilai komersilnya amat tinggi. Setelah melalui pelbagai proses ia bukan sahaja dijadikan perhiasan, malahan dijadikan ubat. Negara China merupakan pengimpor utama kuda laut, diikuti oleh Hong Kong.

- 1 Apakah yang unik tentang kuda laut?
  - A Bentuk badannya seperti kuda
  - B Jumlah telurnya amat banyak dan halus
  - C Kuda laut jantan bertelur dalam jumlah yang banyak
  - D Kuda laut jantan mengeram telur di dalam kantungnya
  
- 2 Mengapakah kuda laut menjadi buruan manusia?
  - A Untuk dijadikan makanan
  - B Kuda laut mempunyai banyak khasiat
  - C Kuda laut dapat menyembuhkan penyakit
  - D Ia menjadi musuh kepada ikan
  
- 3 Apakah sebab utama haiwan ini menjadi pupus?
  - A Pencemaran air laut
  - B Dimakan oleh ikan
  - C Perbuatan manusia
  - D Penebangan pokok bakau
  
- 4 Tujuan utama manusia menangkap kuda laut ialah
  - A kerana harganya mahal
  - B untuk dijadikan ubat
  - C untuk dijadikan perhiasan
  - D untuk diekspor ke negara China dan Hong Kong
  
- 5 Kenyataan manakah bukan menunjukkan bahaya yang dihadapi oleh anak-anak kuda laut?
  - A Anak-anak kuda laut gagal melawan ombak lalu mati di pantai
  - B Anak-anak kuda laut menjadi buruan ikan
  - C Anak-anak kuda laut ditangkap oleh manusia
  - D Habitatnya habis musnah akibat pembangunan

Soalan 6 hingga Soalan 10

Baca petikan dibawah, kemudian jawab, soalan-soalan berikutnya

Yang dihormati Tuan Pengurus Majlis, para hakim yang arif lagi bijaksana, Guru Besar, guru-guru, tuan-tuan dan puan-puan serta rakan-rakan sekalian. Saya berasa bangga kerana diberi peluang untuk menyampaikan sebuah syarahan yang bertajuk, 'Kemerosotan Disiplin di Kalangan Pelajar Sekolah.'

Peraturan di sekolah patut diperketatkan dalam usaha menangani masalah disiplin. Peraturan sekolah bukan sahaja untuk menyekat kebebasan pelajar tetapi berfungsi sebagai garis panduan untuk mengawal tingkah laku seseorang. Ini penting untuk membentuk pelajar yang berakhhlak mulia.

Antara kemerosotan disiplin yang terdapat di kalangan pelajar-pelajar ialah berambut panjang, merokok merosakkan kemudahan sekolah, pakaian tidak kemas, ponteng dan sebagainya. Mereka yang melanggar disiplin ini beranggapan bahawa disiplin ini mengongkong kebebasan di samping sifat ego mereka.

Tuan-tuan dan puan-puan para hadirin sekalian,

Kejadian pelajar berkunjung ke pusat-pusat hiburan, snooker dan video games sering kedengaran sejak akhir-akhir ini. Pergaulan mereka di tempat sebegini memang tidak mencerminkan tingkah laku sebagai pelajar. Terdapat juga pelajar yang dipengaruhi oleh iklan yang digemburkan oleh media massa. Pengaruh ini dapat dilihat melalui cara mereka berpakaian, bergaul dan pertuturan mereka. Contohnya mereka berpendapat bahawa dengan berpakaian ala barat, mereka akan kelihatan berbeza daripada orang lain dan menjadi tumpuan ramai. Sikap ini terbawa-bawa ke alam persekolahan dan menyebabkan mereka melanggar peraturan yang telah ditetapkan.

Keadaan ini merupakan penyakit yang melanda pelajar-pelajar. Kita mestilah berganding bahu untuk merawat penyakit ini. Pendedahan di akhbar-akhbar tentang keruntuhan disiplin di kalangan pelajar sekolah diharap dapat menyedarkan masyarakat untuk mengambil tindakan yang sewajarnya.

Orang yang berperanan menangani masalah ini ialah ibu bapa mereka sendiri. Mereka menjadi contoh utama dalam **mencanai** anak-anak mereka. Ibu bapa digesa supaya memberikan didikan agama kepada anakanak mereka. Namun begitu, guru dituntut untuk memainkan peranan mereka ke arah membentuk disiplin pelajar.

Sekian, terima kasih.

- 6 Antara yang menjadi punca pelajar-pelajar melanggar peraturan ialah
  - A pergaulan
  - B berpakaian ala barat
  - C kelonggaran peraturan sekolah
  - D murid tidak berperibadi tinggi
- 7 *Mencanai* dalam petikan di atas bermaksud
  - A mendidik
  - B menghala
  - C mengubah
  - D membentuk
- 8 Mengapakah pelajar terpengaruh untuk berpakaian ala barat?
  - A Menukar selera berpakaian
  - B Pakaian barat lebih diminati
  - C Pakaian barat menggambarkan disiplin ala barat
  - D Pakaian barat menjadikan mereka mendapat tumpuan ramai
- 9 Apakah 'penyakit' yang mesti dirawat dalam petikan di atas?
  - A Penyakit yang tidak diketahui
  - B Penyakit yang dialami oleh pelajar-pelajar
  - C Penyakit berjangkit yang menyerang pelajar
  - D Penyakit yang menjadi punca keruntuhan disiplin di kaiangan pelajar
- 10 Apakah cara berkesan untuk mengatasi masalah ini?
  - A Murid-murid mencontohi orang tuanya
  - B Guru-guru mengajar anak muridnya sehingga pandai
  - C Memberi anak-anak pendidikan agama yang cukup
  - D Mendedahkan perbuatan mereka di dalam surat khabar

Soalan 11 hingga Soalan 15

Baca syair di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya

Di negeri Johor lahirnya putera,  
Di kalangan keluarga berdarjat mulia,  
Dipimpin dibentuk sehingga sempurna ,  
Bijak dan pintar remaja teruna.

Remaja insaf, sedar dan sabar ,  
Keluar negeri terus belayar,  
Ke atas angin negara yang besar,  
Merebut peluang untuk belajar.


Teruna tekun meregut pengetahuan ,  
Di dalam bidang ilmu perubatan,  
Akhir ijazah jatuh ke pangkuhan,  
Putera Melayu pakar kedoktoran.

Di kala negara dahaga kemerdekaan,  
Putera menjelma menjadi pahlawan,  
Semangat berkobar meminta kebebasan,  
Penjajah durjana lenyap dihapuskan.

Putera gagah bijak bestari ,  
Negara meminta menceburkan diri ,  
Jawatan menteri tugas diberi,  
Mengawal keselamatan dalam negeri.

Di masa negara ditimpa kemalangan,  
Pahlawan gagah terus berkorban,  
Menyumbang tenaga untuk ketenteraman,  
Hingga terkenal sebagai negarawan.

11. Putera belayar ke bawah angin kerana negara itu terletak di .....  
  - A utara
  - B timur
  - C barat
  - D selatan
  
12. Putera menjadi 'pahlawan' oleh sebab perkara-perkara yang berikut **kecuali**  
  - A ia pakar kedoktoran
  - B ia suka akan kebebasan
  - C ia hendak melenyapkan penjajah
  - D ia suka berkorban untuk negara
  
12. Putera bersetuju menjadi menteri kerana .....  
  - A ia bijaksana
  - B negara memerlukanya
  - C semangatnya berkobar
  - D negara dalam kecemasan
  
14. Putera dianggap sebagai seorang negarawan kerana ia .....  
  - A seorang yang bijak dan sabar
  - B menjadi seorang menteri
  - C gagah mengawal keselamatan
  - D seorang pemimpin negara yang bijaksana
  
15. Maksud "Dipimpin dibentuk sehingga sempurna" ialah .....  
  - A dibina menjadi sesuatu yang baik
  - B dilatih sehingga menjadi terkenal
  - C dipimpin sehingga menjadi kuat
  - D diasuh sehingga menjadi manusia baik



- 16 Di antara tugas guru-guru di sekolah, tugas guru manakah yang paling banyak dilakukan di dalam kelas?
- Guru Besar
  - Guru Penolong Kanan Satu
  - Guru Penolong Kanan Dua
  - Guru Penolong
- 17 Sekiranya pihak sekolah akan mengadakan Pesta Sukan Tahunan, siapakah yang bertanggungjawab mengendalikannya?
- Guru Penolong Kanan Satu
  - Guru Penolong Kanan Dua
  - Guru Penolong Kanan KK
  - Guru Besar
- 18 Apakah tanggungjawab Guru Penolong Kanan Satu ?
- Menjaga kemasukan murid-murid baru
  - Mengendalikan pertandingan
  - Mentadbir kelas-kelas
  - Mengurus panitia mata pelajaran
- 19 Kebersihan sekolah amat penting. Dengan siapakah murid-murid perlu bekerjasama untuk mengekalkan kebersihan sekolah ?
- Dengan kerani sekolah
  - Dengan pekerja am
  - Dengan penolong kanan sekolah
  - Dengan guru penolong
- 20 Siapakah yang menjaga keselamatan sekolah pada waktu malam ?
- Kerani
  - Budak pejabat
  - Tukang kebun
  - Jaga
- Soalan 21 hingga Soalan 28
- Pilih perkataan yang sesuai untuk dimasukkan ke tempat kosong.
- 21 Pak Zainal membina sebuah ..... untuk memerhati pergerakan binatang buruannya

- serta berlindung daripada haiwan liar.
- A ran  
B rumah  
C pondok  
D sarang
- 22 Nakhoda Zubir berehat di dalam ..... setelah yakin keselamatan anak-anak kapalnya terjamin.
- A bilik  
B kabin  
C khemah  
D pangkin
- 23 Seorang pemimpin yang berkaliher perlulah mempunyai sikap yang ..... agar nasib rakyat terbela.
- A hartawan  
B tertawan  
C gunawan  
D belanjawan
- 24 Kawasan pantai yang ..... itu amat merbahaya kepada mereka yang ingin mandi-manda di situ.
- A landai  
B tebing  
C rata  
D terjal
- 25 Labah-labah itu sedang ..... bebenang untuk memerangkap mangsanya.
- A mengangkut  
B menenun  
C merakut  
D menjalin
- 26 ..... Sultan Ahamad Shah telah ..... kepada putera baginda supaya memerintah dengan adil.
- A Allahyarham, berpesan  
B Allahyarhamah, berwasiat  
C Almarhumah, berpesan  
D Almarhum, berwasiat
- 27 Pak Haji Nawi tidak dapat menelan daging itu kerana liat macam ..... getah kayu coklat kain
- A getah  
B kayu  
C coklat  
D kain
- 28 Alias seorang yang ..... dia cepat meradang apabila diusik.
- A telinga tebal  
B telinga besar  
C telinga kecil  
D telinga nipis

Soalan 29 hingga Soalan 30  
Pilih pendodoh bilangan yang sesuai.

- 29 Makcik Zaifah sedang ..... daging untuk dibuat inti kuih dadar.
- A menghiris  
B memayang  
C merincih  
D memotong
- 30 Nenek Kamsiah menyediakan ..... sirih untuk ..... pengantin yang bersanding.
- A sehelai, sepasang  
B sekapur, seorang  
C sehelai, seorang  
D sekapur, sepasang

Soalan 31 hingga soalan 32.

Pilih soalan yang sesuai bagi jawapan yang diberi

- 31 Ladang getah itu merupakan satu-satunya harta peninggalan Pak Dagang kepada anak-anaknya.  
A Kenapakah Pak Dagang meninggalkan ladang getahnya?  
B Siapakah yang menerima harta peninggalan Pak Dagang?  
C Apakah harta yang di tinggalkan oleh Pak Dagang kepada anaknya?  
D Berapa bidangkah ladang getah yang ditinggalkan oleh Pak Dagang?

- 32 Semenjak dilantik menjadi pengawas sekolah, Hashim berubah menjadi seorang yang baik dan berdisiplin.  
A Apakah perubahan Hashim semenjak dilantik menjadi pengawas sekolah?  
B Bilakah Hashim dilantik menjadi pengawas sekolah ?  
C Kenapakah Hashim berubah?  
D Bagaimana Hashim dilantik menjadi pengawas ?

Soalan 33 hingga Soalan 36

Pilih kata ganda yang membawa maksud **berulang** dalam ayat yang diberi.

- 33 I Mangsa-mangsa yang keracunan makanan itu masih muntah-muntah.  
II Syahir sedang mengikuti kursus tulis-menulis di dewan pelbagai guna.  
III Ain terpesona memandang air laut yang kebiru-biruan itu.  
IV Lauk-pauk yang dimasak oleh Puan Hatijah sungguh lazat.

- A I dan II sahaja  
B II dan III sahaja  
C III dan IV sahaja  
D I dan IV sahaja

- 34 I Alif dan Ahmad sedang berbual-bual di kantin sekolah.  
II Makcik Noraihan menyental-nyental kain yang kotor itu supaya bersih.  
III Ketika ibu memasak di dapur, kami bermain-main di halaman rumah.  
IV Sharifah terkejut apabila mendengar ayam berkокok bersahut-sabutan.

- A I dan II sahaja  
B II dan III sahaja  
C III dan IV sahaja  
D I dan IV sahaja

- 35 I Hidup berjiran mestilah bantu membantu di antara satu sama lain.  
II Sesebuah negara itu akan huru-hara sekiranya rakyat tidak bersatu padu.  
III Adik meraba-raba koceknya untuk mencari duit dua puluh sen  
IV Nawawi menghentak-hentakkan kasutnya sebelum menaiki kereta.

- A I dan III sahaja  
B II dan IV sahaja  
C III dan IV sahaja  
D I dan II sahaja

- 36 I Suara azan sayup-sayup kedengaran di Subuh sunyi.  
II Feri Nuri Angkasa berulang-alik dari Pelabuhan Marang ke Pulau Kapas.  
III Kakak Salmah sedang sulam-menyalam dengan kakak Hidayah.  
IV Tukang kayu itu sedang mengetuk-ngetuk tiang ke dalam lubang.

- A 1, II dan IV sahaja  
B II, III dan IV sahaja  
C I, III dan IV sahaja  
D I, II dan III sahaja

- 37 I Abang Zin berdakap-dakapan dengan ayah setelah sekian lama tidak berjumpa.  
II Mak Andan merenjis-renjis air mawar kepada pasangan mempelai itu.  
III Makcik Halimah menghembus-hembus asap yang memedihkan mata anaknya.  
IV Kereta dan lori itu berlanggar-langgaran sebelum terbalik dan jatuh ke dalam gaung

- A I dan II sahaja
- B II dan IV sahaja
- C I dan IV sahaja
- D II dan III sahaja

- 38     I     Muka Amin bengkak-bengkil kerana terjatuh dari basikal.  
II     Anak-anak akan terbiar apabila ibu dan bapanya bercerai-berai.  
III    Pengemis di tepi jalan itu meminta-meminta sedikit makanan kerana kelaparan.  
IV    Sulong membelek-belek akhbar hari ini untuk mencari berita mengenai sekolahnya.

- A I dan III sahaja
- B II dan IV sahaja
- C I dan II sahaja
- D III dan IV sahaja

Soalan 39 dan 40

Pilih ayat yang menggunakan tanda baca dengan betul.

- 39     A     Di padang permainan itu ada yang bermain buaian , anak-anak kecil berkejar-kejaran , ibu bapa pula hanya memerhati pergerakan mereka.  
B     Di padang permainan itu , ada yang bermain buaian , anak-anak kecil berkejar-kejaran . Ibu bapa pula hanya memerhati pergerakan mereka.  
C     Di padang permainan itu ada yang bermain buaian , anak-anak kecil berkejar-kejaran. Ibu bapa pula hanya memerhati pergerakan mereka.  
D     Di padang permainan itu ada yang bermain buaian anak-anak kecil berkejar-kejaran. Ibu bapa pula hanya memerhati pergerakan mereka.
- 40     A     Sajak, "Mama tercinta" karya Zaihasra terdapat dalam Antologi Bunga Gerimis.  
B     Sajak, "Mama Tercinta" karya Zaihasra terdapat dalam antologi Bunga Gerimis.  
C     Sajak "Mama Tercinta" karya Zaihasra terdapat dalam Antologi Bunga Gerimis.  
D     Sajak Mama tercinta karya zaihasra terdapat dalam Antologi Bunga Gerimis.

Soalan 41 dan 42

Pilih ayat sama maksud dengan ayat yang bergaris.

- 41     Cuti sekolah baru saja bermula . Saya dan keluarga merancang untuk menghabiskan masa cuti di Pulau Langkawi.  
A     Pada masa cuti sekolah yang baru sahaja bermula ayah dan keluarga merancang untuk menghabiskan cuti di Pulau Langkawi.  
B     Semasa cuti sekolah baru-baru ini keluarga saya akan berehat di Pulau Langkawi  
C     Pulau Langkawi adalah destinasi saya dan keluarga semasa cuti sekolah nanti.  
D     Saya dan keluarga akan menghabiskan semasa cuti sekolah yang baru bermula di Pulau Langkawi.
- 42     Tolong-menolong adalah kerja yang tidak asing lagi bagi penduduk kampung di negara ini.  
A     Penduduk negara ini sentiasa tolong-menolong di antara satu sama lain.  
B     Penduduk kampung di negara ini sentiasa mengamalkan sikap tolong-menolong.  
C     Kerja yang tidak asing bagi penduduk kampung di negara ini ialah tolong-menolong.  
D     Tolong-menolong adalah kerja asing bagi penduduk kampung

Soalan 43 hingga Soalan 46

Pilih ayat yang menggunakan kata banyak makna dengan betul.

- I     Fathin terasa asing tinggi di rumah yang besar itu.
- II    Kebanyakan pelancong asing yang datang ke Malaysia memuji keunikan pemandangan di negara ini.
- III   Zulkifli yang berbadan asing itu memang terkenal di kalangan kawan-kawannya.

- IV Emak amat berminat dengan laut sayur asing.
- A I dan IV sahaja  
B II dan III sahaja  
C I dan II sahaja  
D III dan IV sahaja
- 44 I Pertapa itu sedang mengamalkan ilmu batin untuk mengubati pesakitnya  
II Kamala memakai kain batin yang amat cantik coraknya  
III Kata-katanya yang kasar itu amat menyakiti batinnya.  
IV Apa yang dilakukan oleh seseorang itu tidak melambangkan batinnya.
- A I dan III sahaja  
B II, III dan IV sahaja  
C III dan IV sahaja  
D I, III dan IV sahaja
- 45 I Neneknya yang uzur itu masih hidup lagi.  
II Hidup di kampung penuh dengan kedamaian.  
III Namanya tetap hidup dalam ingatan saya.  
IV Pokok yang tidak diisiram itu masih lagi hidup.  
A I dan II sahaja  
B II dan III sahaja  
C II, III dan IV sahaja  
D Semua di atas
- 46 I Kesedihan yang berlarutan menghilangkan seri di wajahnya.  
II Pasukan Daerah Dungun seri dengan pasukan Daerah Kuala Terengganu.  
III Seri Paduka Baginda sedang bersemayam di Istana Negara.  
IV Semenjak kedatangan Guru Besar yang baru Sekolah Kebangsaan Darau bertambah seri.  
A I dan III sahaja  
B II, III dan IV sahaja  
C I, II dan IV sahaja  
D Semua di atas

Soalan 47 hingga Soalan 50 . Pilih ayat yang betul susunan strukturnya

- 47 A Mereka berdua bercakap suara yang rendah agar terkedengaran orang lain.  
B Mereka berdua bercakap dengan suara yang rendah agar kedengaran orang lain.  
C Mereka berdua bercakap dengan suara yang rendah agar tidak kedengaran oleh orang lain.  
D Mereka berdua bercakap dengan rendah suara agar tidak terdengar orang lain.
- 48 A Harga barang keperluan biasa naik pada musim perayaan.  
B Harga barang keperluan akan naik apabila musim perayaan menjelang.  
C Harga barang keperluan biasanya naik apabila tiba musim perayaan.  
D Harga barang sangat perlu apabila tiba musim perayaan.
- 49 A Berbagai jenis alat dicipta pada zaman sains dan teknologi ini.  
B Berbagai-bagai jenis alat dicipta pada zaman sains dan teknologi ini.  
C Berbagai-bagai jenis alat dicipta daripada zaman sains dan teknologi ini.  
D Berbagai jenis alat dicipta daripada zaman sains dan teknologi ini.
- 50 A Dia balik ke kampung untuk berziarah bapanya yang sedang tenat.  
B Dia balik kampung untuk menziarah bapa yang sedang sakit tenat.  
C Dia balik ke kampung untuk menziarahi bapanya yang sedang sakit tenat.  
D Dia balik kampung untuk menziarahi bapanya yang sedang sakit tenat.